

Shah Alam: Pesakit kanser di negeri ini boleh mendapatkan bantuan pembiayaan rawatan sehingga RM5,000 menerusi program Bantuan Sihat Selangor (BSS).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal negeri, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, BSS adalah inisiatif kerajaan negeri untuk membantu golongan kurang berkemampuan.

“Pembiayaan itu termasuk bagi mendapatkan rawatan pembedahan dengan had jumlah RM5,000 bagi setiap kali permohonan.

“Individu yang memenuhi syarat kelayakan boleh mengemukakan permoho-

Pesakit kanser di Selangor layak terima RM5,000 menerusi BSS

nan dengan melayari laman web <http://bantuansihat.selangor.gov.my>,” katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor, semalam.

Beliau menjawab soalan **Leong Tuck Chee (PH-Pandamaran)** yang bertanya mengenai bantuan kewangan untuk pesakit kanser.

Mohd Zawawi menjawab soalan berkenaan bagi pihak Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga negeri,

Dr Siti Mariah Mahmud.

Mengulas lanjut, katanya, antara syarat kelayakan bagi mendapatkan bantuan BSS adalah pemohon lahir di Selangor atau bermastautin melebihi 10 tahun; pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 dan perlu mengemukakan salinan surat kelulusan Bantuan Sara Hidup (BSH) daripada Kementerian Kewangan Malaysia atau maklumat pendaftaran e-Kasih.

Beliau berkata, keutamaan diberikan kepada pemohon yang mempunyai tang-

gungan yang ramai, ketua keluarga meninggal dunia atau golongan orang kurang upaya (OKU).

Katanya, selain BSS, kerajaan negeri juga melaksanakan Program Selangor Saring bagi membantu golongan kurang berkemampuan mendapatkan rawatan perubatan dengan cepat dan berkualiti.

Di bawah inisiatif itu terdapat program Iltizam Selangor Sihat (ISS), Skim Rawatan Jantung dan

Insentif Rawatan Tibi yang menggalakkan penduduk melakukan pengesanan penyakit lebih awal.

“
Pembiayaan itu termasuk bagi mendapatkan rawatan pembedahan
Mohd Zawawi

